

Meningkatkan Kemahiran Membina Ayat Majmuk Dalam Kalangan Murid Berkeperluan Pendidikan Khas Dengan Menggunakan Modul Bergambar

Chu Ju Ping* , Chu Ju Aik

Sekolah Menengah Kebangsaan Naning, Melaka
**juping_juping@yahoo.com*

ABSTRAK

Kemahiran menulis merupakan satu komponen dalam data pelajaran Bahasa Melayu seperti dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah Pendidikan Khas (KSSMPK). Kemahiran menulis merujuk kepada keupayaan murid-murid menulis perkataan dan ayat, serta mengeluarkan idea yang berkaitan dengan ilmu pengetahuan dan pengalaman peribadi melalui pelbagai jenis penulisan kreatif dan bukan kreatif. Murid berkeperluan khas menghadapi masalah untuk mengembangkan ayat mereka daripada ayat tunggal kepada ayat majmuk. Kaedah modul bergambar merupakan amalan terbaik yang telah dilaksanakan oleh pengamal (guru) bertujuan untuk meningkatkan kemahiran membina ayat majmuk bagi murid berkeperluan khas. Data yang dikumpul melalui analisis dokumen dan borang pemerhatian. Sasaran terdiri daripada empat orang murid yang berumur 14-16 tahun sedang mengikuti Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) di Sekolah Menengah Kebangsaan Naning negeri Melaka pada tahun 2022. Dapatan data amalan terbaik ini memberikan impak yang positif dari segi amalan pengajaran guru dan pembelajaran murid. Di samping itu, mereka juga memberikan tumpuan dan perhatian semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Kesimpulan daripada amalan terbaik ini diharap dapat memberikan manfaat dan panduan kepada guru-guru Bahasa Melayu Pendidikan Khas dalam usaha memilih kaedah intervensi yang bersesuaian untuk membantu murid berkeperluan khas meningkatkan kemahiran membina ayat majmuk berdasarkan gambar.

Kata kunci : membina ayat majmuk, modul bergambar, murid berkeperluan pendidikan khas

Pengenalan Amalan Terbaik

Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) diwujudkan untuk kanak-kanak berkeperluan khas, khususnya kepada kanak-kanak yang mengalami masalah pembelajaran, pendengaran, dan penglihatan. Program ini diwujudkan di sekolah rendah, menengah serta teknik dan vokasional. Program ini ditadbir sepenuhnya oleh Jabatan Pendidikan Negeri. Jabatan Pendidikan Khas pula bertanggungjawab terhadap sebarang dasar dan pengisian yang diterapkan dalam program tersebut. Program sekolah kami merupakan Program Integrasi Bermasalah Pembelajaran yang terdiri

daripada 40 orang murid berkeperluan khas yang bermasalah down sindrom, autisme, lembam, celebral palsy, hiperaktif dan sebagainya. Guru seramai sembilan orang termasuk seorang Guru Penolong Kanan Pendidikan Khas dan tiga orang pembantu pengurusan murid. Sasaran murid terdiri daripada empat orang murid lembam yang diajar di kelas pengkaji dalam lingkungan umur 14-16 tahun dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Murid pengkaji mampu membaca dengan baik, mereka boleh membina dan menulis dalam bentuk ayat tunggal tetapi menghadapi masalah menjana idea untuk membina ayat majmuk. Ayat yang dibina oleh murid sangat ringkas. Bagi mengatasi masalah murid, penggunaan bahan bantu mengajar (modul bergambar) yang bersifat visual boleh membantu murid berkeperluan khas dalam memahami sesuatu pelajaran dengan baik. Murid berkeperluan khas lebih menyukai pembelajaran secara visual. Gabungan visual dalam pembelajaran boleh meningkatkan lagi hasil pembelajaran murid.

Pendidikan merupakan agenda utama pembangunan sesebuah negara dan tanggungjawab kementerian adalah memberikan pendidikan kepada semua. Oleh itu, pendidikan yang khusus dan bersesuaian dengan keperluan dan kebolehan murid berkeperluan khas juga perlu disediakan. Kemahiran menulis merupakan satu komponen dalam mata pelajaran Bahasa Melayu seperti dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Kemahiran menulis merujuk kepada keupayaan murid-murid menulis perkataan dan ayat, serta mengeluarkan idea yang berkaitan dengan ilmu pengetahuan dan pengalaman peribadi melalui pelbagai jenis penulisan kreatif dan bukan kreatif. Sejalan dengan itu, masyarakat perlu sedar, murid berkeperluan khas adalah sebahagian daripada komuniti yang perlu diberi perhatian dan tidak disisih dalam pelajaran. Menurut Zamri dan Mohamed Amin (2003), kemahiran menulis pelajar ditingkatkan melalui kepelbagaian strategi kemahiran menulis. Strategi menulis yang pelbagai ini dapat membantu para pelajar dalam aktiviti penulisan. Penguasaan kemahiran menulis bukan sahaja bergantung pada bakat malahan dipengaruhi juga cara pengajaran menulis bersistem dan berkesan (Yahya, 2005).

Justifikasi Pelaksanaan Amalan Terbaik

Tujuan pelaksanaan amalan terbaik ini adalah bagi melihat lebih dekat masalah yang dihadapi oleh murid berkeperluan khas dalam mengembangkan ayat mereka daripada ayat tunggal kepada ayat majmuk. Seterusnya, pengaplikasian kaedah bergambar bagi membantu murid agar berjaya menulis dengan baik menggunakan cara menyalin semula ayat dan juga membina ayat turut diambil kira. Kaedah ini memahami teknik penulisan, bantuan dan kaedah yang betul mengikut langkah-langkah tertentu akan dapat membantu murid berkeperluan khas dari segi perubahan penulisan yang lebih baik.

Permasalahan pertama ialah gaya pembelajaran murid berkeperluan khas berbanding murid normal. Murid bermasalah pembelajaran merupakan mereka yang terhad terutamanya ketika mempelajari sesuatu yang baharu. Kedua, bahan dan kaedah pengajaran yang kurang menarik minat murid berkeperluan khas. Penggunaan

bahan pengajaran yang kurang sesuai dengan keupayaan murid berkeperluan khas seperti menggunakan sukatan pelajaran yang disediakan tanpa mengubah suai bahan tersebut menyebabkan corak pembelajaran kurang menarik minat mereka. Ketiga, keupayaan kognitif yang terhad dalam kalangan murid berkeperluan khas menyebabkan mereka sukar memahami dan mengingati sesuatu pelajaran. Penerapan gaya pembelajaran yang sesuai dapat membantu murid berkeperluan khas meningkatkan keupayaan berfikir. Oleh itu, penelitian terhadap gaya belajar seseorang harus ditekankan untuk memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) dan memberikan kesan yang positif terhadap hasil pembelajaran.

Sepanjang pengajaran dan pembelajaran yang pengkaji jalankan pengkaji sering kali meletakkan kelemahan murid sebagai punca utama atau dominan yang menyebabkan mereka tidak menguasai sesuatu kemahiran yang pengkaji ajarkan. Begitu juga dalam pengajaran membina ayat majmuk. Hasil dapatan latihan yang dijalankan murid-murid pengkaji didapati menulis ayat yang kurang lengkap. Setelah refleksi sendiri dilakukan, pengkaji dapati terdapat satu jurang antara nilai dan kepercayaan yang pengkaji pegang dengan amalan PdP yang telah pengkaji jalankan selama ini. Oleh sebab itu, pengkaji terdetik untuk membantu murid berkeperluan khas ini. Sebagai kesimpulannya, murid berkeperluan khas ini memang tidak mampu membina ayat yang lengkap kerana mereka tidak mempunyai idea untuk menulisnya. Bagi mengatasi masalah ini, pengkaji telah memperkenalkan kaedah modul bergambar bagi memudahkan pemahaman murid terhadap teknik membina ayat majmuk dengan betul berdasarkan gambar.

Objektif Pelaksanaan

Rasional berkaitan dengan objektif pelaksanaan amalan terbaik ini adalah:

1. Meningkatkan penguasaan murid berkeperluan pendidikan khas untuk menulis ayat majmuk berdasarkan modul bergambar; dan
2. membantu murid berkeperluan pendidikan khas menguasai kemahiran menulis ayat majmuk berdasarkan modul bergambar.

Amalan Terbaik yang Dilaksanakan

Teknik membina ayat majmuk dengan menggunakan kaedah modul bergambar: Langkah-langkah dalam teknik membina ayat majmuk dengan menggunakan kaedah modul bergambar:

- 1) Guru mengedarkan lembaran kerja dan memberikan penerangan tentang penggunaan jadual membina ayat berdasarkan gambar.
- 2) Murid melengkapkan jadual (tiga lajur) subjek yang bersesuaian berpandukan gambar, mengisi aktiviti (frasa kerja) dan menulis ayat berpandukan gambar yang diberi dengan menggunakan satu keterangan, iaitu memilih keterangan menggunakan Kata Tanya bila, mana, mengapa atau bagaimana.


- 3) Murid diminta menuliskan semula ayat yang lengkap.
- 4) Setelah siap, murid diminta menyemak ejaan, tanda baca dan sebagainya.

Membina ayat majmuk dengan menggunakan modul bergambar merupakan satu gambar rajah berserta rajah 1 yang terdapat tiga bahagian atau lajur seperti gambar rajah berikut:

Rajah 1
Gaya Pembelajaran Visual (Modul Bergambar)
Peringkat 1: Penggunaan Satu Keterangan

Nama: Hanan

Arahan:
Lengkapkan jadual di bawah berdasarkan aktiviti di dapur.



Tarikh: 20/5/2022

Arahan:
Tuliskan semula ayat yang lengkap.

Ayatal: Kakak menggoreng ikan di dapur.

Ayatal 2: Ayah meletakkan Susu kotak ke dalam peti sejuk.

Ayatal 3: Abang menumbuk cili untuk masak Sambal.

Ayatal 4: Ibu memotong Sayur di atas papan pemotong.

Ayatal 5: Adik makan roti sambil menonton televisyen.


Bil	Subjek	Aktiviti (Frasa Kerja)	Keterangan (Bila/ Mana/ Bagaimana/ Mengapa)
1	Kakak	menggoreng ikan	di dapur.
2	Ayah	meletakkan susu kotak	ke dalam peti sejuk.
3	Abang	menumbuk cili	untuk masak Sambal.
4	Ibu	memotong sayur	di atas papan pemotong.
5	Adik	makan roti	Sambil menonton televisyen.

Dalam melaksanakan pembinaan ayat majmuk menggunakan modul bergambar ini, beberapa langkah telah difikirkan agar murid-murid yang terlibat benar-benar faham serta mencapai objektif yang dikehendaki. Murid dikendaki membina lima ayat berpandukan gambar pada satu situasi yang sama dengan menggunakan hanya satu keterangan sahaja. Terdapat dua peringkat penggunaan. Pemeringkatan ini menjurus ke arah pendekatan ansur maju.

Peringkat 1 : Menulis ayat menggunakan satu keterangan sahaja.
Murid akan memilih satu keterangan sahaja daripada bahagian K (keterangan) sama ada menggunakan keterangan (bila/mana/bagaimana/mengapa).

Rajah 2

Peringkat 2: Menulis Ayat Sendiri Tanpa Bantuan Modul Bergambar



Pada peringkat ini, murid-murid dikehendaki membina ayat majmuk berpandukan kata kerja yang diberi oleh guru berdasarkan pemahaman mereka sendiri tanpa menggunakan modul bergambar. Dalam menjalankan amalan terbaik ini pengkaji telah memilih Model Stephen Kemmis seperti dalam rajah di bawah. Model kajian ini merupakan model popular dalam kalangan pengamal pendidikan dan guru-guru Malaysia hingga sekarang kerana mudah difahami dan dikendalikan.

Merancang-----Mengambil tindakan-----Membuat pemerhatian-----Membuat refleksi Model 1

Perincian Aktiviti :

Bagi meningkatkan kemahiran murid berdasarkan kelemahan yang telah pengkaji kenal pasti, pengkaji telah memperkenalkan membina ayat majmuk menggunakan modul bergambar dalam satu bentuk yang mudah untuk membantu murid menguasai kemahiran membina ayat majmuk. Bahan bantu mengajar inilah yang telah pengkaji gunakan untuk menarik minat murid dalam meningkatkan kemahiran menulis ayat majmuk menggunakan kaedah modul bergambar dan memberi peluang kepada murid mendapat markah yang baik. Persediaan bahan bantu mengajar adalah satu aspek bantuan yang boleh menolong melahirkan aktiviti-aktiviti yang menarik dan berkesan (Nik Ahmad, 1984)

Keberkesanan Amalan Terbaik yang Dilaksanakan

Semua hasil pengumpulan data dianalisis selepas beberapa aktiviti dalam intervensi dilaksanakan. Semua data yang diperolehi telah dianalisis dengan teliti untuk memberikan keputusan yang tepat. Dua instrumen yang telah pengkaji gunakan untuk mengumpul data dan maklumat adalah melalui pemerhatian dan analisis dokumen.

Jadual 1:
 Gaya Pembelajaran Visual (Modul Bergambar - Hasil Kerja Murid)

Nama: Hanan		Tarikh: 20/5/2022	
Arahan: Lengkapkan jadual di bawah berdasarkan aktiviti di dapur.		Arahan: Tuliskan semula ayat yang lengkap.	
Bil	Subjek	Aktiviti (Frasa Kerja)	Keterangan (Bila/ Mana/ Bagaimana/ Mengapa)
1	Kakak	menggoreng ikan	di dapur.
2	Ayah	meletakkan susu kotak	ke dalam peti Sejuk.
3	Abang	menumbuk cili	untuk masak Sambal.
4	Ibu	memotong sayur	di atas papan pemotong.
5	Adik	makan roti	Sambil menonton televisyen.
		Ayat 1: Kakak menggoreng ikan di dapur.	
		Ayat 2: Ayah meletakkan susu kotak ke dalam peti Sejuk.	
		Ayat 3: Abang menumbuk cili untuk masak Sambal.	
		Ayat 4: Ibu memotong sayur di atas papan pemotong.	
		Ayat 5: Adik makan roti sambil menonton televisyen.	

Berdasarkan pemerhatian dan analisis yang telah dijalankan dapat pengkaji kategorikan responden ini dari segi tingkah laku iaitu minat, penggunaan teknik membina ayat majmuk berdasarkan modul bergambar, kefahaman dan sikap. Berlakunya perubahan yang positif dari segi minat dan daya usaha. Perubahan ini penting untuk menentukan objektif pengajaran dan pembelajaran pengkaji tercapai.

Dapatan daripada pemerhatian juga menunjukkan perubahan tingkah laku responden sebelum dan selepas intervensi dijalankan. Mereka telah berjaya menyiapkan latihan yang diberi semasa pengajaran dan pembelajaran serta rajin membuat latihan yang diberikan. Di samping itu, mereka juga memberikan tumpuan dan perhatian semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung.

Terdapat beberapa nilai murni yang diterapkan kepada murid semasa dan selepas menggunakan modul bergambar. Murid-murid ini lebih berkeyakinan dan bersemangat untuk membina ayat majmuk dengan baik. Selain itu juga, murid-murid dapat memberikan kerjasama antara satu sama lain ketika sesi dua hala bersama guru dijalankan. Murid-murid lebih menunjukkan minat sewaktu menjalankan aktiviti ini. Sikap rendah diri dan kurang yakin terhadap kemampuan diri dapat dikurangkan melalui kaedah ini. Mereka juga dapat melakukan sesuatu aktiviti pembinaan ayat dengan kadar yang lebih cepat berbanding dahulu. Murid-murid juga lebih fokus terhadap proses PdP.

Jadual 2
Data Perbandingan Gaya Pembelajaran Kaedah Konvensional Dengan Gaya Pembelajaran Visual (Modul Bergambar).

Bil.	Item	Konvensional	Visual (Modul Bergambar)
1.	Boleh menyebut secara lisan.	seminggu	sehari
2.	Boleh menulis subjek dengan betul.	seminggu	sehari
3.	Boleh menulis aktiviti (frasa kerja) dengan betul.	seminggu	sehari
4.	Boleh menulis ayat menggunakan satu keterangan (bila/mana bagaimana/mengapa) sahaja.	empat minggu	dua minggu
5.	Boleh menulis ayat majmuk yang lengkap.	empat minggu	dua minggu

Gaya pembelajaran visual memerlukan bahan yang boleh dilihat dengan jelas seperti gambar, perkataan pada buku, rajah dan sebagainya untuk proses pembelajaran (Baharom & Iliyas 2010:92) Terdapat lima item soalan yang diukur ke atas setiap murid dalam proses PdP. Berdasarkan jadual 2 data perbandingan gaya pembelajaran kaedah konvensional dengan gaya pembelajaran visual (modul

bergambar). Murid berkeperluan khas mengambil masa seminggu untuk menyebut dan menulis subjek dan aktiviti (frasa kerja) dengan kaedah konvensional. Dengan aplikasi modul bergambar murid hanya mengambil masa sehari untuk menyebut secara lisan dengan spontan, boleh menulis subjek dengan betul dan menguasai kemahiran menulis aktiviti (frasa kerja) dengan betul, manakala dengan kaedah konvensional murid mengambil masa dalam tempoh empat minggu untuk menulis ayat majmuk yang lengkap. Penelitian terhadap gaya pembelajaran visual melibatkan penggunaan bahan bantu mengajar modul bergambar dalam proses PdP, pengkaji mendapati semua murid berkeperluan khas boleh menyebut/menjawab secara lisan aktiviti yang dilakukan dan menulis ayat majmuk yang lengkap dalam tempoh dua minggu sahaja berdasarkan modul bergambar yang ditunjukkan. Penjelasan ini dapat dilihat dalam Jadual 1.

Oleh itu, pengkaji mendapati bahawa semasa gaya pembelajaran visual (modul bergambar) diterapkan murid berkeperluan khas dapat menulis ayat majmuk dengan betul. Hal ini menunjukkan bahawa murid lembam lebih gemar gaya pembelajaran bersifat visual dalam proses PdP kerana boleh membantu mereka untuk mengenal pasti atau memahami sesuatu perkara dengan lebih baik.

Selepas responden diperkenalkan penggunaan teknik membina ayat majmuk dengan menggunakan modul bergambar didapati mereka lebih berminat untuk menjana idea dan menulis ayat majmuk berdasarkan gambar kerana mereka telah mendapat panduan dan teknik yang betul dalam membina ayat majmuk. Penggunaan teknik yang sesuai dan menarik bagi murid yang memiliki kelemahan membina ayat sangat penting dalam membantu murid membina ayat yang baik dan lengkap. Secara keseluruhan pelaksanaan amalan baik ini telah berjaya mencapai objektif yang disasarkan. Pencapaian responden semakin baik walaupun bukan 100%. Amalan baik yang saya jalankan ini telah banyak membantu responden terlibat menguasai kemahiran membina ayat majmuk dengan menggunakan modul bergambar.

Amalan terbaik yang dilaksanakan ini merupakan satu penerokaan dalam bidang pendidikan khas khususnya dalam konteks kemahiran menulis. Pelaksanaan amalan terbaik ini mencungkil amalan sebenar yang berlaku semasa pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu dalam kelas Pendidikan Khas di sekolah menengah kebangsaan. Melalui amalan terbaik yang dilaksanakan ini murid berkeperluan khas dapat meningkatkan kefahaman yang baik dari segi pembinaan ayat majmuk. Selain itu, murid-murid ini juga dapat memberikan fokus yang baik ketika proses PdP sedang berlangsung. Murid-murid dapat menyiapkan tugas membina ayat dengan lebih pantas. Guru lebih bersemangat untuk mengajar murid-murid ini menggunakan kaedah modul bergambar. Selain itu juga, penggunaan kaedah modul bergambar ini menjadikan pengajaran dan pembelajaran lebih berkesan dengan menggunakan pelbagai teknik dan pendekatan agar dapat mengatasi permasalahan dan kelemahan murid berkeperluan khas membina ayat majmuk. Amalan ini juga boleh diambil manfaat dan dapat meningkatkan profesion keguruan pada masa akan datang. Hasil dapatan ini juga jelas menunjukkan bahawa perancangan yang tepat yakni berasaskan masalah penguasaan kemahiran bahasa yang dikenal pasti bagi setiap individu, merancang kaedah/teknik serta bahan bantu mengajar yang sesuai dengan tahap kemampuan

murid dapat mengatasi masalah dan kelemahan yang dihadapi oleh murid berkeperluan khas secara tidak langsung.

Rumusan dan Cadangan

Kesimpulannya, pengkaji mendapati bahawa gaya pembelajaran visual (kaedah modul bergambar) lebih mempengaruhi murid berkeperluan khas dalam proses PdP. Bahan bantu mengajar amat penting dalam menarik minat mereka untuk belajar. Kepelbagaian cara dan kaedah pembelajaran juga penting untuk keterlibatan murid secara langsung dalam aktiviti pembelajaran. Gaya pembelajaran visual tidak membebankan murid untuk mempelajari sesuatu kerana murid boleh belajar dalam keseronokan. Usaha haruslah saya teruskan agar responden terus menggunakan teknik yang diperkenalkan bagi memantapkan kemahiran yang dikuasai. Kajian ini juga akan pengkaji libatkan bilangan murid yang lain dan lebih besar untuk membolehkan teknik ini diaplikasikan oleh murid-murid lain. Pembinaan ayat dengan menggunakan modul bergambar ini akan saya kongsi bersama rakan-rakan guru yang lain agar dapat dimanfaatkan. Berdasarkan hasil kajian yang telah dijalankan ini terdapat perubahan yang positif dari segi amalan pengajaran guru dan pembelajaran murid. Semoga amalan baik ini akan dimanfaatkan dan menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran yang pengkaji jalankan akan lebih menarik dan berkesan. Pengkaji juga berharap hasil kajian saya ini dapat dikongsi bersama dengan rakan-rakan pengkaji yang lain untuk membantu murid-murid meningkatkan kemahiran membina ayat majmuk menggunakan kaedah modul bergambar. Kejayaan dalam kajian ini akan membuka ruang kepada pengkaji untuk meneruskan usaha dalam membuat kajian yang seterusnya untuk membantu murid mencapai kemahiran yang sepatutnya.

Rujukan

Baharom Mohamad & Iliyas Hasyim. (2010). *Gaya pengajaran dan pembelajaran*. PTS Professional.

Nik Ahmad Nik Yaacob. (1984). *Rencana pendidikan panduan guru sekolah rendah*.

Yahya Othman. (2005). *Trend dalam pengajaran Bahasa Melayu*. PTS Publications & Distributors.

Zamri Mahamod & Mohamed Amin Embi. (2003). Strategi pembelajaran bahasa pelajar sekolah menengah. *Jurnal Bahasa*, 3 (2): 263 - 319